

11 JUN 1999

Ling-Subang

OPERASI DI LAPANGAN TERBANG SUBANG DIJANGKA SEHINGGA 2002

KUALA TERENGGANU, 11 Jun (Bernama) -- Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang akan terus beroperasi sehingga projek Lingkaran Rel Ekspres (ERL) siap dalam tempoh tiga tahun akan datang, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Sik hari ini.

Beliau berkata kerajaan akan mengkaji semula kedudukan lapangan terbang itu sama ada perlu ditutup atau tidak selepas ERL beroperasi.

Lapangan terbang itu masih dibuka kerana pertimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap masalah rakyat terutama mereka yang berurusan di sekitar Petaling Jaya dan Kuala Lumpur, katanya.

"Lapangan terbang itu sepatutnya telah lama ditutup setelah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang dibuka tetapi atas arahan Perdana Menteri, kita membuka semula operasi di Subang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Wisma MCA di sini.

Bangunan Wisma MCA setinggi tiga tingkat bernilai RM1.7 juta itu menempatkan ibu pejabat MCA negeri dan ruang kedai serta pejabat untuk disewa.

Beliau berkata projek Lingkaran Rel Ekspres (ERL) dari stesen keretapi Kuala Lumpur Sentral ke KLIA dijangka siap dalam tempoh tiga tahun lagi dan apabila ia memulakan operasinya masalah pengangkutan dan tambang yang mahal ke KLIA yang kini menjadi rungutan penumpang akan dapat diselesaikan.

Stesen Kuala Lumpur Sentral adalah satu-satunya pusat pengangkutan di Malaysia yang menggabungkan semua rangkaian keretapi utama dengan tambahan kemudahan lapangan terbang di samping menyediakan perkhidmatan ERL ke KLIA dan pusat pentadbiran baru di Putrajaya.

Stesen Kuala Lumpur Sentral yang dalam pembinaan dengan anggaran kos RM713 juta adalah satu-satunya perhubungan landasan terus ke KLIA yang perjalanannya memakan masa 30 minit dengan tambang RM30. Tambang itu lebih murah daripada perkhidmatan teksi dan limosin iaitu antara RM60 dan RM80.

Dr Ling berkata lapangan terbang di Subang apabila ditutup, akan dijadikan pusat pameran antarabangsa dan kawasan bebas cukai.

"Dengan landasan yang ada kini, akan membolehkan bahan-bahan pameran dibawa terus ke pusat pameran dari luar negara tanpa melalui pemeriksaan kastam," katanya.

-- BERNAMA

SN PR